

18/02/1997

Umno tidak berhasrat ke Sarawak: PM

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno tidak akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak.

Perdana Menteri berkata, Umno tidak berhasrat berbuat demikian.

"Kita tidak ada niat hendak ke Sarawak," katanya selepas menghadiri perayaan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru China anjuran kerajaan negeri di Pusat Perdagangan Sabah (STC), di sini malam ini.

Usaha untuk membawa parti itu ke Bumi Kenyalang yang hangat diperkatakan ketika ini turut dikaitkan dengan bekas tokoh politik Sarawak yang kontroversi Tun Abdul Rahman Yaakub, tetapi beliau kemudiannya menafikan terbabit dengan usaha itu.

Mengenai keputusan Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan Perintah Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti Berjadual) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) Pindaan 1995 yang diguna pakai bagi projek empangan Bakun, sebagai tidak sah, Perdana Menteri berkata: "Kita akan teruskan saja (pelaksanaan projek Bakun) ... saya harap tidak ada halangan lagi," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan meneruskan projek berkenaan dan dengan keputusan itu bermakna tiada masalah lagi.

Sambutan besar-besaran itu dihadiri kira-kira 7,000 orang daripada pelbagai kaum.

Pada majlis sama, Dr Mahathir turut menarik tirai papan tanda perasmian bangunan STC yang menjadi pemangkin bagi Sabah menuju era perindustrian.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee; Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datu Osu Sukam; Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah merangkap pengerusi penganjur, Datuk Lajim Ukin; menteri Kabinet negeri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis berkenaan Dr Mahathir meminta pemimpin politik bersatu memelihara perpaduan yang sedia terjalin demi kestabilan dan keharmonian, sekali gus menjamin kesinambungan agenda pembangunan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, perpaduan yang wujud di negara itu adalah keistimewaan yang menjadi faktor penentu kemajuan yang dinikmati sekarang.

Menurutnya, pemimpin harus sama-sama mempertahankan perpaduan yang diwarisi itu kerana ia ternyata berjaya mewujudkan masyarakat yang rukun damai, walaupun terdiri daripada pelbagai kaum dan berlainan loghat.

"Hakikatnya semua masyarakat ini sanggup hidup rukun damai dan inilah sesuatu keistimewaan yang harus kita pelihara di Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyarankan setiap pemimpin, khususnya pemimpin politik supaya menjadikan sambutan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru Cina sebagai landasan untuk memupuk perpaduan.

Katanya, setiap pemimpin tanpa mengira latar belakang wajar mengadakan rumah terbuka bagi sesuatu perayaan dengan menjemput semua kaum mengunjunginya demi mengeratkan persefahaman.

Perdana Menteri berkata, sambutan berkembar tahun ini yang kini diucapkan sebagai kongsi raya sebenarnya satu keistimewaan bagi negara kerana ia melambangkan perpaduan yang berjaya diwujudkan dalam masyarakat yang pelbagai.

"Kongsi raya ini pun sebenarnya sesuatu yang harus kita pertahankan semangatnya dan perlu kita sama-sama beri penghargaan," katanya.

Ini kerana amalan meraikan perayaan sesuatu kaum oleh semua lapisan masyarakat membantu negara mengekalkan perpaduan, sekali gus menjadikan

negara aman dan mencapai kemajuan.

"Oleh itu saya harap semua pemimpin, khususnya pemimpin politik daripada semua kaum di Sabah ini berusaha untuk melayan semua kaum pada hari raya masing-masing.

"Adakanlah rumah terbuka seberapa banyak yang boleh dan jemput semua kaum untuk menyertainya," katanya.

Sambil merujuk keadaan di beberapa negara yang tidak pernah aman disebabkan tiada perpaduan, Dr Mahathir berharap rakyat di negara ini bersyukur terhadap keamanan dan kestabilan yang dinikmati.

Perdana Menteri berkata, kerajaan BN sentiasa menitikberatkan keadilan dan kesaksamaan di kalangan semua pihak yakni tidak mengutamakan satu kaum saja.

Justeru, pembangunan diagihkan sama-rata.

Bagi Sabah, kata beliau, persefahaman yang terjalin di antara kerajaan negeri dan Persekutuan membolehkan pelaksanaan agenda pembangunan dengan licin.

(END)